

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2002

**ELAUN BAHASA KEPADA
JURUBAHASA DI MAHKAMAH**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai pelaksanaan bayaran Elaun Bahasa Berpencen dan Elaun Bahasa Tidak Berpencen kepada Jurubahasa yang berkhidmat di mahkamah.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah menyemak semula Elaun Bahasa Berpencen yang dibayar kepada Jurubahasa dan Pembantu Penerbitan (dikenali sebagai Penterjemah sebelum pelaksanaan Sistem Saraan Baru 1992). Dalam semakan tersebut, Kerajaan telah memutuskan untuk menaikkan kadar Elaun Bahasa Berpencen yang dibayar kepada Jurubahasa yang berkhidmat di mahkamah. Elaun Bahasa Berpencen yang dibayar kepada Pembantu Penerbitan masih dikekalkan atas kadar yang sedia ada.

PELAKSANAAN

Kelayakan Elaun Bahasa

3. Elaun Bahasa dalam pekeliling ini hanya layak diberi kepada Jurubahasa yang berkhidmat di mahkamah yang dikehendaki menjalankan tugas sebagai Jurubahasa. Mahkamah yang dimaksudkan adalah termasuk Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Syariah, Mahkamah Perusahaan, Mahkamah Buruh dan Mahkamah Kuasa Tempatan.

Elaun Bahasa Berpencen dan Elaun Bahasa Tidak Berpencen

4. Elaun Bahasa dibahagikan kepada Elaun Bahasa Berpencen dan Elaun Bahasa Tidak Berpencen.

Kadar dan Jenis Bahasa/Loghat

5. Jurubahasa yang lulus peperiksaan bahasa atau loghat selain daripada bahasa atau loghat yang disyaratkan untuk pelantikan kepada skim perkhidmatan Jurubahasa layak dibayar Elaun Bahasa mengikut kadar yang ditetapkan. Senarai kadar elaun bagi bahasa dan loghat adalah seperti di **Lampiran A**.

Pengendalian Peperiksaan

6. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bertanggungjawab mengendalikan peperiksaan bahasa dan loghat serta menyimpan senarai rekod peperiksaan berkenaan yang dikendalikan setiap tahun.

Syarat Menduduki Peperiksaan

7. Jurubahasa yang telah disahkan dalam perkhidmatan sahaja boleh menduduki peperiksaan bahasa atau loghat. Permohonan untuk menduduki peperiksaan berkenaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan.

8. Ketua Jabatan hendaklah mengesahkan bahawa setiap Jurubahasa yang memohon memenuhi syarat-syarat berikut –

- 8.1 telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 8.2 mempunyai prestasi yang baik; dan
- 8.3 tambahan bahasa atau loghat yang dipohon adalah perlu dan berguna dalam kerja harian Jurubahasa berkenaan.

Pengumpulan Elaun Bahasa

9. Seseorang Jurubahasa hanya boleh mengumpul **tiga** Elaun Bahasa Berpencen. Jika dibenarkan oleh Ketua Jabatan mengambil peperiksaan lebih daripada tiga bahasa atau loghat kerana keperluan tugasnya, Jurubahasa berkenaan masih boleh menikmati Elaun Bahasa bagi kelulusan yang diperolehi bagi bahasa atau loghat yang seterusnya tetapi dengan taraf tidak berpencen.

Elaun Bahasa Berpencen Sebelum Kenaikan Kadar Baru

10. Jurubahasa yang sedang menikmati lebih daripada tiga Elaun Bahasa Berpencen sebelum tarikh pekeliling ini berkuatkuasa, hanya layak dibayar Elaun Bahasa Berpencen atas kadar baru untuk tiga bahasa atau loghat yang pertama diperolehi. Elaun Bahasa Berpencen selebihnya yang diterima sebelum ini hendaklah terus dibayar atas kadar lama.

Tarikh Permulaan Pembayaran Elaun Bahasa

11. Elaun Bahasa dibayar mulai bulan berikutnya selepas tarikh keputusan peperiksaan diumumkan dengan syarat lulus keseluruhan peperiksaan bagi bahasa atau loghat tersebut.

Pemberhentian Bayaran Elaun Bahasa

12. Jika Ketua Jabatan mendapati bahawa seseorang Jurubahasa yang menikmati Elaun Bahasa (sama ada Elaun Bahasa Berpencen atau Elaun Bahasa Tidak Berpencen) gagal mengekalkan kecekapan penguasaan bahasa atau loghat sepertimana yang dikehendaki, Jurubahasa berkenaan boleh dikehendaki menduduki semula peperiksaan dalam bahasa atau loghat berkenaan. Kegagalan dalam peperiksaan semula akan menyebabkan Elaun

Bahasa yang dibayar kepada Jurubahasa berkenaan diberhentikan sehingga lulus semula peperiksaan tersebut.

PERTUKARAN SKIM PERKHIDMATAN

13. Elaun Bahasa Berpencen akan diambilkira sebagai tambahan kepada gaji hakiki jika seseorang Jurubahasa bertukar skim perkhidmatan dalam pelarasan gajinya kepada gaji skim perkhidmatan baru.


TARIKH KUATKUASA

14. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2002.

PEMAKAIAN

15. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

21 NOVEMBER 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SENARAI BAHASA DAN LOGHAT SERTA KADAR ELAUN BAHASA

Kumpulan Bahasa	Bahasa/Loghat	Kadar Sebulan (RM)				
		Lisan		Tulisan		
		Sekarang	Baru	Sekarang	Baru	
Bahasa Utama Dalam Negeri	Inggeris (Khas)	-	-	80.00	150.00	
	Cina (Khas)	-	-	100.00	160.00	
	Cina (Menengah)	-	-	60.00	120.00	
	Jawi	-	-	45.00	90.00	
	Tamil	35.00	70.00	45.00	90.00	
	Mandarin	35.00	70.00	-	-	
	Melayu	35.00	70.00	-	-	
Bahasa Lain dan Loghat Dalam Negeri	Hock Chiu (Foo Chow)	45.00	90.00	-	-	
	Hing Hua	45.00	90.00	-	-	
	Hainanese (Hailam)	45.00	90.00	-	-	
	Shanghainese	45.00	90.00	-	-	
	Cantonese	35.00	90.00	-	-	
	Hakka (Khek)	35.00	90.00	-	-	
	Hokkien	35.00	90.00	-	-	
	Teochiew	35.00	90.00	-	-	
	Punjabi	35.00	90.00	45.00	150.00	
	Telegu	35.00	90.00	45.00	150.00	
	Malayalam	35.00	90.00	45.00	150.00	
	Marathi	35.00	90.00	45.00	150.00	
	Pushtu	35.00	90.00	45.00	150.00	
	Bengali	35.00	90.00	45.00	150.00	
	Gujerati	35.00	90.00	45.00	150.00	
	Singhalese	35.00	90.00	45.00	150.00	
	Hindi	35.00	90.00	45.00	150.00	
	Urdu	35.00	90.00	45.00	150.00	
	Jawa	35.00	90.00	45.00	-	
	Bugis	35.00	90.00	45.00	-	
	Boyan	35.00	90.00	45.00	-	
	Thai	35.00	90.00	45.00	150.00	
	Bahasa Tempatan di Sabah dan Sarawak	-	90.00	-	-	
	Bahasa Asing	Arab	35.00	120.00	45.00	150.00
		Jepun	60.00	120.00	100.00	150.00
		Lain-lain	-	120.00	-	150.00